

16/08/2000

Malaysia sedia hantar duta ke Palestin

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia tetap mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara bebas dan akan menghantar wakilnya ke sana sebaik saja mereka membuat pengisytiharan kemerdekaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita terima wakil mereka sebagai duta di Malaysia dan kita akan hantar wakil kita ke Palestin bila saja mereka membuat pengisytiharan kemerdekaan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas dikunjungi Presiden Palestin Yasser Arafat, di pejabatnya di sini hari ini.

Arafat tiba hari ini untuk lawatan singkat bagi mendapatkan sokongan Malaysia berhubung kemerdekaan Palestin pada 13 September ini.

Dr Mahathir yakin, kebanyakan negara akan mengiktiraf kebebasan Palestin sebagai negara merdeka.

Rombongan Arafat seramai tujuh orang, termasuk dua menteri - Menteri di Pejabat Presiden, Taib Abdul Rahim dan Menteri Negara, Hassan Asfour.

Malaysia adalah penyokong kuat perjuangan Palestin. Kuala Lumpur juga menyokong pembentukan negara Palestin yang bebas dan berdaulat dengan Al-Quds Al-Sharif (Baitulmuqadis) sebagai ibu negaranya.

Mengenai perbincangannya dengan Arafat, Dr Mahathir berkata Presiden Palestin itu menjelaskan keadaan sebenar apa yang berlaku dalam rundingan di Camp David bulan lalu.

Rundingan yang membabitkan Perdana Menteri Israel, Ehud Barak dan Presiden Clinton di kawasan percutian pemimpin Amerika itu gagal mencapai sebarang hasil disebabkan pertikaian mengenai status Baitulmaqdis dan pelarian Palestin.

Arafat kini menjelajah seluruh dunia untuk mendapatkan sokongan bagi mengisytiharkan negara Palestin ekoran kegagalan rundingan di Camp David.

Setakat ini beliau telah melawat China, Perancis, Norway, Pakistan, Russia dan negara Arab dan Eropah.

Pemimpin berusia 71 tahun itu telah beberapa kali melawat Malaysia untuk mendapatkan sokongan Kuala Lumpur terhadap perjuangan Palestin untuk menubuhkan sebuah negara bebas selain mewujudkan keamanan di rantau berkenaan.

(END)